



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



Pemeriksaan Wakaf di Malaysia Melalui *Crowdfunding*

Mohd. Ikhsan Md. Raus^{1*}, Suzaini Harmiruslin Supian²

¹Fakulti Sains Komputer & Matematik, UiTM Cawangan (Pahang) Kampus Jengka
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
mohdikhsan@pahang.uitm.edu.my

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan (Pahang) Kampus Jengka
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
harmiruslin@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Kesedaran untuk berwakaf dan kesanggupan untuk berwakaf adalah sangat penting dalam mengekalkan keutuhan dan kelestarian institusi wakaf dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi sesebuah negara. Bahkan, institusi wakaf telah mengambil langkah proaktif untuk mempromosikan budaya wakaf dalam meningkatkan kesedaran dan penyertaan orang ramai untuk berwakaf. Namun, tahap kesedaran dan kesanggupan seseorang untuk berwakaf masih lagi rendah di Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara seperti Timur Tengah dan Barat. Seajar dengan kemajuan teknologi ICT yang dikecapi sekarang ini, istilah *crowdfunding* (pendanaan orang ramai) telah lama dipraktikkan di negara-negara Eropah dan mendapat sambutan yang baik dan menggalakkan daripada orang ramai, pemilik perniagaan, pelabur-pelabur dan lain-lain dalam merealisasikan suatu projek menjadi kenyataan. *Crowdfunding* merupakan satu praktis pembiayaan dan perkongsian wang di dalam merealisasikan projek-projek tertentu seperti pembangunan sekolah, masjid, universiti, tempat berehat dan sebagainya, yang disumbangkan oleh individu-individu atau syarikat-syarikat di mana konsep *crowdfunding* ini adalah sama seperti berwakaf. Kajian ini akan membincangkan konsep berkaitan wakaf, perkaitan di antara wakaf dan *crowdfunding*, kelebihan-kelebihan berwakaf menurut perspektif Islam dan bagaimana ianya dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kata Kunci: *Crowdfunding*, Ekonomi, Fungsi Wakaf, Wakaf, Wakaf Pembangunan

1. Fenomena *Crowdfunding*

Sejak kebelakangan ini, *crowdfunding* telah menjadi suatu inisiatif kerajaan yang mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai untuk mengumpul dana wang di dalam merealisasikan projek atau sebagai permulaan suatu perniagaan (*start-up ideas*) (Jascha-Alexander & Qian, 2016). Pada tahun 1990, *crowdfunding* telah berkembang dengan pesat di kalangan komuniti pengguna internet (Bernardino, 2016), khususnya di dalam industri-industri seperti musik, perfileman, penulisan artikel dan majalah, permainan video, persembahan teater dan senireka grafik. Malangnya, aplikasi *crowdfunding* ini tidak digembar-gemburkan kewujudannya kepada komuniti yang tidak menggunakan internet sehinggalah tahun 2006, yang menyaksikan penggunaan *crowdfunding* banyak diaplikasikan di dalam projek-projek sosial, kemasyarakatan dan kemanusiaan (Hemer, 2011) contohnya bantuan ubat-ubatan, bantuan kewangan kepada negara-negara yang sedang membangun, perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), perkara-perkara politik dan pengurangan kadar kemiskinan di sesuatu tempat dan negara. Dengan kewujudan platform ataupun servis *crowdfunding* di alam maya seperti Kickstarter, IndieGoGo, Spot-us dan lain-lain, ianya boleh dianggap bahawa masyarakat telah menerima penggunaan dan aplikasi *crowdfunding* ini secara menyeluruh untuk merealisasikan projek-projek kecil dan besar.

Crowdfunding diinspirasi dari konsep *micro-finance* dan *crowdsourcing*. Ia diaplikasikan melalui kaedah *fundraising* di mana kutipan dijalankan berdasarkan penyertaan individu di dalam sesuatu kumpulan bagi mencapai target bantuan kewangan yang diperlukan. Dengan kata lain, *crowdfunding* juga didefinisikan sebagai 'pemakluman secara talian untuk tujuan pengumpulan dana atau mendapatkan sokongan dari pihak-pihak tertentu, bagi menjalankan sesuatu projek atau inisiatif,' (Schwienbacher & Larralde, 2010). Dengan

menggunakan platform *crowdfunding*, sesuatu projek yang memerlukan dana akan diwar-warkan untuk mencari seberapa ramai penyumbang dana sehingga amaun yang diperlukan mencukupi.

Crowdfunding juga berpotensi untuk menggantikan sumber kewangan sesebuah syarikat dan organisasi di dalam melahirkan usahawan-usahawan kecil (Hemer, 2011) yang sedang mencari modal permulaan perniagaan atau yang menghadapi permasalahan kewangan untuk membuat pinjaman bank. Selain daripada itu, aplikasi *crowdfunding* juga digunakan sebagai salah satu inisiatif untuk membangunkan suatu kajian akademik yang dijalankan di universiti, organisasi dan projek-projek ternama (Hemer, 2011) dengan menggunakan kaedah *microfinancing*. Dengan kekangan kewangan yang dihadapi oleh kerajaan pada masa ini, ianya adalah relevan untuk dilaksanakan dengan mendapatkan pembiayaan dan sumbangan daripada orang ramai (*crowd*) secara atas talian (*online*). Aplikasi *crowdfunding* menitikberatkan penggunaan dan kapabiliti *Web 2.0* (Hemer, 2011) untuk memasarkan dan mengiklankan suatu projek yang memerlukan dana dengan menggunakan teknologi internet kepada komuniti yang menggunakan internet di dalam masa yang singkat.

Crowdfunding terbahagi kepada empat (4) model berdasarkan kepada ganjaran dan kelebihan yang akan diterima oleh penyumbang (Jascha-Alexander & Qian, 2016):

1. *Donation-based crowdfunding*
Penyumbang wang tidak akan menerima apa-apa ganjaran dan imbuhan di atas sumbangan mereka.
2. *Reward-based crowdfunding*
Penyumbang akan menerima ganjaran yang bukan berbentuk wang, seperti buku, t-shirt, lawatan tapak dan lain-lain.
3. *Lending-based crowdfunding*
Penyumbang akan menerima faedah berbentuk wang di atas sumbangan mereka berdasarkan kepada perjanjian yang dimeterai.
4. *Equity-based crowdfunding*
Penyumbang akan menerima perkongsian saham dan terlibat di dalam keuntungan syarikat pencadang projek di masa akan datang.

2. **Pengguna-pengguna *Crowdfunding***

Di dalam *crowdfunding*, individu (*founder*) yang ingin memulakan perniagaan atau ingin membangunkan suatu projek akan membentangkan projek mereka di dalam satu platform *crowdfunding* yang berupa laman sesawang (*website*) dan meminta orang ramai (*crowd*), terutamanya daripada komuniti yang menggunakan internet untuk menyokong dan membantu menyiapkan projek mereka dengan bantuan kewangan di dalam suatu tempoh masa tertentu. Pembiaya (*funder*) atau penyumbang wang akan mendapat imbuhan seperti ganjaran kredibiliti, penghargaan dan sebagainya di atas sumbangan yang telah diberikan.

Kickstarter.com adalah salah satu contoh platform *crowdfunding* yang membolehkan orang ramai menggunakan kemudahan di dalamnya seperti membangunkan kempen untuk menjayakan projek yang diinginkan, membentangkan permasalahan dan keinginan untuk menjayakan projek tersebut, pusat pengumpulan dana berupa wang daripada orang ramai dan memudahkan pengagihan wang, di samping dapat memberikan ganjaran kepada pembiaya projek tersebut. Oleh itu, pengguna-pengguna yang terlibat di dalam platform *crowdfunding* ini adalah individu yang mencadangkan projek tersebut (*founder*) dan pembiaya (*funder*). Pencadang projek (*founder*) juga boleh menyumbangkan wang sendiri kepada projek yang ingin dibangunkan. Dengan aplikasi *crowdfunding* ini, pembiaya projek (*funder*) akan menyumbangkan sedikit wang dan apabila ramai pembiaya (*funder* dan *crowd*) yang menyumbangkan wang, projek tersebut akan berjaya direalisasikan, hasil daripada sumbangan-sumbangan wang orang ramai (*crowd*).

3. Ganjaran dan Motivasi

Dengan kecanggihan ICT yang ada pada masa ini, kebolehan untuk mendapatkan maklumat dan maklumbalas dan kebolehan untuk menyalurkan maklumat kepada golongan-golongan tertentu tidak dinafikan lagi. *Crowdfunding* dipercayai dapat membantu pembangunan suatu projek demi masyarakat setempat dan digunakan oleh beberapa organisasi sebagai sumber kewangan mereka di alaf ini. Untuk menghargai sumbangan pembiaya-pembiaya projek (*funder* dan *crowd*), aplikasi *crowdfunding* mengenengahkan konsep ganjaran yang akan diterima oleh pembiaya-pembiaya. Walaupun ianya dikira sebagai sumbangan secara ikhlas yang tidak mengharapkan apa-apa balasan, *crowdfunding* sangat menitikberatkan ganjaran-ganjaran yang akan diterima oleh pembiaya kerana ianya sebagai satu penghargaan dan menggalakkan pembiaya-pembiaya ini (Hemer, 2011) untuk terus menyumbang dalam bentuk kewangan di dalam apa-apa projek yang ingin dibangunkan oleh pencadang projek di masa akan datang.

Ganjaran-ganjaran ini berbentuk seperti sijil penghargaan, perutusan terima kasih melalui emel, tandatangan eksklusif daripada artis di atas cakera padat (CD) lagu artis tersebut, jemputan untuk menghadiri program amal atau perasmian projek yang telah berjaya, jemputan untuk menghadiri konsert-konsert artis, pemberian baju yang mempromosikan projek tersebut dan apa-apa aset yang rendah nilainya tetapi tinggi di mata pembiaya.

4. Wakaf

Wakaf merupakan antara salah satu daripada institusi Islam yang wujud sejak dari zaman Rasulullah SAW lagi yang berfungsi sebagai pemangkin ekonomi dan pembangunan umat Islam, serta menjamin kesinambungan syiar Islam. Selain daripada zakat, sedekah dan lain-lain, institusi wakaf ini juga merupakan tunjang kepada kejayaan jaminan sosial Islam. Islam agama yang syumul dan sentiasa memberi solusi kepada setiap permasalahan ummah sejak sekian lama dulu dengan menjadikan wakaf sebagai salah satu mekanisme pembiayaan. Wakaf adalah antara jentera utama pembinaan masyarakat yang masih belum dimanfaatkan sepenuhnya (Najibah & Zamro, 2014), termasuklah dalam memperkasakan pengajian tinggi.

Definisi wakaf dari sudut bahasa bermaksud menahan yang berasal daripada perkataan Arab, *al-waqf*. Manakala dari sudut istilah pula, wakaf bermaksud menahan barang yang dimiliki dan tidak memilikinya untuk dimanfaatkan hasilnya untuk kepentingan orang lain. Rukun wakaf pula terbahagi kepada empat (4), iaitu (1) pewakaf, (2) harta benda yang diwakafkan, (3) penerima wakaf dan (4) akad.

Amalan berwakaf merupakan amalan yang paling mulia di sisi Allah iaitu dengan membelanjakan harta benda ke jalan Allah dan hukumnya sunnah. Pewakaf bukan sahaja mendapat pahala di sepanjang hidup mereka dengan amalan berwakaf, tetapi pahala tersebut akan berterusan dan mengalir meskipun pewakaf telah meninggal dunia. Lebih ramai orang yang memanfaatkan dan menggunakan harta wakaf tersebut, bertambah lagi pahala pewakaf. Dari Abu Hurairah R.A., beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara (yaitu): sedekah jariyah, ilmu yang dimanfaatkan, atau do'a anak yang shalih."

(Riwayat Muslim)

Kemuncak kehebatan amalan berwakaf ini adalah sewaktu pemerintahan Khilafiah Uthmaniyyah sehinggakan ianya dapat disimpulkan seperti berikut:

"Seseorang dilahirkan dalam yang diwakafkan, tidur dalam buaian yang diwakafkan, membaca buku-buku yang diwakafkan, mengajar

dalam sekolah yang diwakafkan, menerima gaji dari pentadbiran wakaf, dan akhirnya apabila ia mati kelak, urusan jenazahnya adalah atas pentadbiran wakaf dan ia dikuburkan dalam tanah perkuburan wakaf.

Secara umumnya, tidak terdapat ayat al-Quran yang menerangkan konsep wakaf secara jelas. Para ulama menerangkan konsep wakaf ini berdasarkan hadis dan ijhtihad para ulama dan juga berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan tentang infaq fisabilillah. Di antara ayat-ayat tersebut ialah:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَنْفِقُوْا مِنْ طَيِّبٰتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا
اَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْاَرْضِ ۗ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيْثَ مِنْهُ تُنْفِقُوْنَ وَلَسْتُمْ
بِاٰخِذِيْهِ اِلَّا اَنْ تَعْمِضُوْا فِيْهِ ۗ وَاَعْلَمُوْا اَنَّ اللّٰهَ عَنِّيْ حَمِيْدٌ ﴿٢٦٧﴾

Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman! Nafkahkanlah (di jalan Allah) sebagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu."

(Al-Baqarah 1: 267)

لَنْ نَّتَلُوْا اِلَيْرَحٰتِيْ تُنْفِقُوْا مِمَّا تُحِبُّوْنَ ۗ وَمَا تُنْفِقُوْا مِنْ شَيْءٍ فَاِنَّ اللّٰهَ
بِهِ عَلِيْمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya:

"Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna) sebelum kamu menafkahkan sebagian dari apa yang kamu cintai."

(Ali Imran 3: 92)

مَثَلُ الَّذِيْنَ يُنْفِقُوْنَ اَمْوَالَهُمْ فِيْ سَبِيْلِ اللّٰهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ اَنْبَتَتْ
سَبْعَ سَنَابِلٍ فِيْ كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِّاٰثَةٌ حَبَّةٌ ۗ وَاللّٰهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَّشَاءُ ۗ وَاللّٰهُ
وَاسِعٌ عَلِيْمٌ ﴿٢٦١﴾

Maksudnya:

"Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh bulir. Pada tiap-tiap bulir seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha Luas (karunia-Nya) lagi Maha Mengetahui."

(Al-Baqarah 1: 261)

Kefahaman terhadap konsep wakaf di kalangan umat Islam di Malaysia masih lagi berada di tahap rendah dan membimbangkan (Najibah & Zamro, 2014; Sulaiman & Hasan, 2016; Zaim, Ikhlas, & Anuar, 2015; Johari et al., 2015). Masih terdapat lagi pemahaman yang mengatakan bahawa wakaf hanyalah pada tanah-tanah kubur atau tapak-tapak pembinaan masjid (Nurdin, 2015). Walhal, konsep wakaf di dalam Islam amat luas yang meliputi premis-premis perniagaan, rumah kedai, kediaman, pendidikan, tanaman-tanaman pokok dan sebagainya. Kelemahan di dalam pengurusan wakaf (Najibah & Zamro, 2014; Zaim et al., 2015; Mohd Ali, 2016) juga menjadi penghalang utama untuk institusi ini terus berkembang di Malaysia, khususnya umat Islam. Terdapat juga tanah-tanah yang telah diwakafkan oleh pewakaf yang masih belum dimajukan dan diusahakan secara optimum dan diurus secara profesional (Sulaiman & Hasan, 2016; Zaim et al., 2015) di atas faktor tanah tersebut berada di kawasan yang jauh terpencil, tidak mempunyai potensi komersial, saiz yang kecil dan tidak menjana ekonomi. Pihak bertanggungjawab seharusnya membentuk satu pengurusan yang cekap berlandaskan kepada syariah agar pemeraksanaan wakaf dan matlamat wakaf yang ditetapkan oleh pewakaf tercapai, seterusnya dapat menjana keuntungan kepada umat Islam dan kepada dana wakaf itu sendiri.

Institusi wakaf telah banyak digunakan sebagai mekanisma pembangunan pendidikan (Najibah & Zamro, 2014), mengurangkan kadar kemiskinan (Zaim et al., 2015), kebajikan, penyelidikan, kesihatan, pembangunan bangunan/premis/kompleks, keperluan infrastruktur seperti jalanraya, jambatan, pondok menunggu dan sebagainya. Amalan berwakaf sememangnya mempunyai ganjaran berterusan dan berlipat ganda di sisi Allah SWT. (Zaim et al., 2015). Berwakaf adalah satu cara menzahirkan pengabdian diri dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. selain daripada berkongsi harta dan manfaatnya di kalangan umat Islam, ianya dapat mengukuhkan perpaduan dan ekonomi ummah, khususnya dapat mengekalkan pemilikan dan perkongsian aset umat Islam di negara ini

5. Teori Perbezaan di antara *Crowdfunding* dan Wakaf

Kehebatan institusi wakaf Islam ini sangat hebat dan berkesan sehingga ianya ditiru oleh Barat dengan menjenamakan semula wakaf ke dalam bentuk yayasan, trust atau endowment (Najibah & Zamro, 2014). Contohnya, universiti seperti Oxford, Cambridge, Harvard, Standford, al-Azhar dan Universiti Antarabangsa AlBukhari (AiU) adalah contoh institut pengajian tinggi (IPT) yang mampu beroperasi sehingga kini dengan hanya menggunakan bantuan wakaf yang disumbangkan oleh beberapa organisasi dan orang ramai, termasuklah alumni-alumni daripada universiti masing-masing. Di Malaysia, wakaf semakin berkembang dengan pesat di mana ianya tidak hanya melibatkan pembinaan masjid, madrasah, sekolah-sekolah, pusat tahfiz dan sumbangan buku, kitab dan al-Quran, malahan ianya turut melibatkan IPT (Najibah & Mohd Zamro, 2014) seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan yang terbaru adalah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), sejajar dengan saranan kerajaan yang menginginkan setiap IPT menjana pendapatan sendiri bagi menjalankan kajian akademik, pembangunan dan sumber kewangan.

Kejayaan *crowdfunding* yang semakin berkembang dan diterima oleh orang ramai adalah ianya menggunakan suatu platform (*crowdsourcing platform*) yang menggunakan internet untuk mempromosikan keperluan sumbangan dalam merealisasikan suatu projek yang baru, khususnya untuk usahawan-usahawan (Lukkarinen, Teich, Wallenius, & Wallenius, 2015). Promosi atau keperluan sumbangan ini disebar menggunakan internet dan juga di media-media sosial yang dikongsi dan disebar (*share*) oleh pengguna-pengguna lain. Terdapat juga beberapa projek yang gagal memperolehi sumbangan sepertimana yang dikehendaki di dalam tempoh yang telah ditentukan. Namun, rata-rata penyumbang hanyalah ingin menyumbang dalam bentuk wang, menginginkan ganjaran-ganjaran yang diberikan dan kurang mengambil tahu samada projek tersebut berjaya atau tidak.

Lukkarinen et al., (2015) telah menggariskan tiga (3) panduan utama yang perlu diikuti oleh pencadang projek (founder) agar projek yang ingin dilaksanakan mendapat sambutan dan berjaya:

1. Kriteria kempen/projek (*campaign characteristics*)
2. Rangkaian (*network*)
3. Kefahaman terhadap kempen/projek (*understandability*)

Di antara kriteria-kriteria projek yang perlu diperjelaskan oleh pencadang projek adalah seperti maklumat projek yang lebih mendalam (Bernardino, 2016), sasaran wang yang diperlukan untuk penanaan projek tersebut, wang minimum yang boleh disumbangkan oleh penyumbang (*crowd*), tempoh masa yang diperlukan untuk kutipan wang tersebut dan perancangan kewangan untuk projek setelah mendapat sumbangan tersebut. Dengan bantuan dan kecanggihan ICT pada masa ini, pengiklanan untuk mengutip sumbangan projek boleh dilakukan dengan menggunakan sosial media seperti Facebook, WhatsApp, Instagram, Twitter dan laman web. Sumbangan daripada badan-badan kerajaan, swasta, Non-Government Organization (NGO) dan individu juga memainkan peranan penting di dalam keberkesanan dan kejayaan suatu projek. Maklumat-maklumat untuk projek atau produk yang ingin dijayakan juga perlu diterangkan secara terperinci oleh pencadang projek kepada bakal-bakal penyumbang agar mereka berasa yakin dengan pembangunan projek tersebut dan kualiti produk, di samping menawarkan ganjaran-ganjaran yang sepatutnya.

Dengan faktor-faktor yang telah dibincangkan di atas, ianya juga boleh dipraktikkan dan digunapakai di dalam konsep wakaf. Bantuan-bantuan yang diperlukan oleh suatu organisasi seperti masjid, surau, madrasah, sekolah, IPT dan NGO perlu diiklankan di dalam laman sosial agar keperluan tersebut dapat disebarkan kepada komuniti yang menggunakan internet. Contohnya, sekiranya madrasah bercadang untuk membangunkan makmal komputer untuk kegunaan pelajar-pelajar, Pengetua atau Mudir boleh mendaftarkan projek tersebut ke dalam *crowdfunding* platform untuk pengiklanan dan pemasaran. Sekiranya berjaya, projek tersebut akan diberikan tempoh masa untuk diiklankan kepada komuniti-komuniti internet dan penyumbangan wang secara tunai atau wakaf tunai akan bermula. Sekiranya wang yang diperlukan telah mencukupi dalam tempoh masa tersebut, wang tersebut akan diserahkan kepada madrasah tersebut untuk kegunaan pembangunan makmal tersebut.

Pencadang projek yang terdiri daripada individu atau mewakili kerajaan dan swasta seharusnya bergerak aktif (Bernardino, 2016) dalam mencari sumber kewangan untuk pembangunan dan penambakan bangunan atau dana kebajikan pelajar. Kolaborasi dengan mana-mana badan kerajaan, institusi dan syarikat swasta adalah penting di dalam menjana wang tambahan dan wang keperluan. Ismail, Som, Deni, & Sulaiman (2015) mencadangkan satu konsep wakaf yang dinamakan Wakaf TelCo. Konsep ini dikhususkan untuk mereka yang menggunakan telefon prabayar. Sekiranya pengguna menambah nilai prabayar mereka, sebahagian wang tersebut akan selurkan ke tabung waqaf yang terpilih. Di dalam kes ini, Wakaf TelCo akan menyalurkan sebanyak 5 sen ke tabung wakaf pendidikan bagi membantu IPT beroperasi.

Wakaf tunai juga adalah salah satu cara yang paling mudah untuk individu mewakafkan hartanya (Johari et al., 2015) di samping melakukan amal jariah, tetapi tidak ramai yang mempunyai kesedaran ini. Proses ini melibatkan pemberian wang tunai daripada pewakaf kepada pihak yang bertanggungjawab menguruskan harta wakaf untuk pembelian seperti pembelian batu-bata, simen dan cat untuk pembinaan sekolah, pembelian mashaf al-Quran untuk kegunaan masjid atau surau dan penambahbaikan bangunan seperti madrasah. Dengan pemberian wakaf tunai, ianya lebih berbaloi dan mudah untuk mendapat pahala dan ganjaran di sisi Allah SWT. jika hendak dibandingkan dengan mewakafkan bangunan dan tanah, bergantung kepada status ekonomi pewakaf.

Pengumpulan wang secara wakaf juga dilakukan dengan cara Pengetua, Mudir atau ustaz-ustazah di madrasah, sekolah dan IPT tersebut memberikan ceramah, tazkirah,

perkongsian ilmu dan kepakaran di mana-mana organisasi yang memerlukan khidmat mereka dan dari situ, mereka boleh mengiklankan keperluan wang sumbangan untuk sesuatu projek. Secara tidak langsung, wang sumbangan yang diterima dapat diberikan sebahagiannya kepada madrasah atau sekolah mereka untuk pembangunan yang sewajarnya.

Walaupun wakaf dan *crowdfunding* boleh menggunakan pelbagai platform untuk pengumpulan wang dana, perkara yang perlu dititikberatkan di dalam hal ini adalah bagaimana untuk menarik minat penyumbang agar mereka ini dapat menyumbangkan wang mereka sendiri dan mengorbankan harta benda mereka untuk membantu mereka yang memerlukan. Allah SWT. menegaskan bahawa tolong-menolong di dalam melakukan amal kebajikan dan di jalan yang diredhai-Nya akan mendapat ganjaran yang amat besar di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT. di dalam Surah Al-Maaidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya:

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).”

(Al-Maaidah 5: 2)

Daripada dapatan dan perbincangan seperti di atas, maka jelaslah bahawa *crowdfunding* dan waqaf adalah suatu perkara yang mempunyai konsep dan struktur yang sama di dalam pelaksanaannya dalam merealisasikan suatu projek atau pembangunan sosia-ekonomi masyarakat. Kajian ini juga disokong oleh (Omar, Nizam, Yusof, & Amin, 2016) yang berpendapat bahawa terdapat kesamaan di dalam pemberian wakaf atau sedekah berbanding kepada pemberian secara derma yang digunakan oleh negara-negara barat, iaitu *crowdfunding*. Secara teknikalnya, wakaf adalah usaha individu atau berjemaah melakukan kebajikan di jalan Allah dengan menyumbangkan harta benda seperti wang dan lain-lain untuk kesejahteraan umat Islam sejagat.

Berikut adalah perbezaan teori dari sudut penyumbangan wang di antara *crowdfunding* dengan wakaf di dalam perspektif Islam yang juga diadaptasi daripada kajian Omar et al. (2016):

Jadual 1. Teori dari Sudut Penyumbangan Wang di antara *Crowdfunding* dengan Wakaf di dalam Perspektif Islam

	<i>Crowdfunding</i>	Wakaf
Faktor Dalam Penyeimbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Kesedaran dan keperihatinan terhadap mereka yang memerlukan • Tidak mementingkan diri sendiri • Penghargaan dan menghargai di antara satu sama lain • Reputasi seseorang atau satu organisasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat pahala dan ganjaran seperti yang dijanjikan oleh Allah SWT. • Penyucian jiwa dan harta • Kepuasan diri • Tidak mementingkan diri sendiri • Kesederhanaan dan wasatiyyah • Mempunyai inisiatif dan pelbagai cara untuk penyumbangan • Dipermudahkan segala urusan oleh

	<ul style="list-style-type: none"> • Manfaat psikologi 	Allah SWT. dan diberi kenikmatan
Faktor Luaran Penyumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Crowdfunding</i> adalah lebih kepada membantu kerja-kerja sosial dan keusahawanan (Bernardino, 2016) • Berlaku di atas permintaan menggunakan platform <i>crowdfunding</i> • Penyumbang diberikan ganjaran dan pemegang saham suatu organisasi • Penyumbang ingin menjaga reputasi dan bersaing di antara satu sama lain 	<ul style="list-style-type: none"> • Mencari keredhaan Allah SWT. dan berkorban harta benda dan jiwa • Tidak mengira bangsa, jantina dan umur • Mempunyai tujuan yang satu iaitu berjihad di jalan Allah SWT. • Keazaman dan niat menyumbang lebih dipandang mulia oleh Allah SWT. dan ianya berkualiti • Menjadi pembuka rezeki dan dimewahkan rezeki • Bergantung penuh kepada sifat dermawan dan murah hati seseorang (<i>philanthropy</i>)
Impak kepada Sosial dan organisasi	Pengagihan saham di antara pencadang projek dengan organisasi yang memberi	<ul style="list-style-type: none"> • Dianggap sebagai satu kebajikan • Mengeratkan silaturrahim • Cukup mencukupi di antara satu sama lain • Boleh dididik bermula dari rumah kerana sumbangan kepada ahli keluarga perlu diutamakan dan lebih afdhal <p>Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 215: <i>"Mereka bertanya kepadamu tentang apa yang mereka nafkahkan. Jawablah: "Apa sahaja harta yang kamu nafkahkan hendaklah diberikan kepada ibu-bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan." Dan apa saja kebaikan yang kamu buat, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya."</i></p>
Publisiti	Organisasi yang menyumbang akan membina reputasi mereka untuk bersaing dengan organisasi yang lain	<p>Menyembunyikan pemberian seperti sedeqah, wakaf dan infaq itu lebih afdhal.</p> <p>Firman Allah SWT. dalam Surah Al-Baqarah ayat 271: <i>"Jika kamu menampakkan sedekah(mu), maka itu adalah baik sekali. Dan jika kamu menyembunyikannya dan kamu berikan kepada orang-orang fakir, maka menyembunyikan itu lebih baik bagimu. Dan Allah akan menghapuskan daripada kamu sebahagian kesalahan-kesalahanmu; dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan."</i></p>

Pemberian sewaktu kesusahan	Kebarangkalian untuk penyumbang menyumbang sewaktu di dalam kesusahan atau kekurangan wang adalah tinggi kerana masing-masing perlu menyara diri masing-masing	Memberi sewaktu di dalam kesusahan adalah digalakkan untuk kita berkongsi kemewahan yang ada dengan manusia yang memerlukan dan ianya satu pengorbanan yang besar di sisi Allah SWT.
-----------------------------	--	--

Sebagai Muslim, kita diseru untuk membantu sesama insan agar beroleh kejayaan yang sebenar, seperti di dalam firman Allah SWT. di dalam Surah at-Taubah ayat 88 hingga 89:

لٰكِنِ الرَّسُوْلُ وَالَّذِيْنَ ءَامَنُوْا مَعَهُ جَاهِدُوْا بِاَمْوَالِهِمْ وَاَنْفُسِهِمْ
 وَاَوْلِيَّيْكَ هُمُ الْخَيْرٰتُ وَاَوْلِيَّيْكَ هُمُ الْمُفْلِحُوْنَ ﴿٨٨﴾ اَعَدَّ
 اللهُ لَهْمُ جَنَّتٍ بَحْرِيٍّ مِّنْ تَحْتِهَا الْاَنْهٰرُ خٰلِدِيْنَ فِيْهَا ذٰلِكَ الْفَوْزُ
 الْعَظِيْمُ ﴿٨٩﴾

Maksudnya:

“Tetapi Rasul dan orang-orang yang beriman bersamanya, mereka berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka. Dan mereka itulah orang-orang yang mendapat kebaikan, dan mereka itulah juga yang berjaya.”

(At-Taubah 9: 88-89)

Tanggungjawab membantu Muslim yang lain dan mereka yang memerlukannya dengan berbelanja di jalan Allah SWT adalah suatu yang mulia di sisi Allah SWT dan ganjarannya amat besar di akhirat kelak. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah ayat 195:

وَاَنْفِقُوْا فِيْ سَبِيْلِ اللهِ وَلَا تَلْقَوْا بِاَيْدِيْكُمْ اِلَى النَّهْلِكَهٖ وَاَحْسِنُوْا اِنَّ اللهَ يُحِبُّ
 الْمُحْسِنِيْنَ ﴿١٩٥﴾

Maksudnya:

“Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, karena sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.”

(Al-Baqarah 1:195)

Sebagai Muslim, ada yang beranggapan bahawa dengan memberikan sedikit harta benda kita untuk tujuan membantu orang yang memerlukannya dan di jalan yang diredhai Allah SWT., hartanya akan semakin berkurangan. Allah SWT. telah menegaskan bahawa penyumbang tersebut tidak akan dilanda kepapaan, malah Allah SWT. akan mencukupkan harta dan rezeki mereka. Malah, penyumbang tersebut akan dijauhkan daripada musibah-musibah, sepertimana firman-Nya di dalam Surah Al Anfaal ayat 60 dan Surah at-Taubah ayat 98:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ
 تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَآخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا
 تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ
 إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya:

“Dan persiapkanlah untuk menghadapi mereka (dengan) kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dan daripada kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Apa saja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah nescaya akan dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dianiaya (dirugikan).”

(Al-Anfaal 8: 60)

وَمِنَ الْأَعْرَابِ مَنْ يَتَّخِذُ مَا يُنْفِقُ مَغْرَمًا وَيَتَرَبَّصُ بِكُمُ الدَّوَابِرَ عَلَيْهِمْ دَائِرَةُ السَّوْءِ وَاللَّهُ
 سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٩٨﴾

Maksudnya:

“Di antara orang-orang Arab Badui itu, ada orang yang memandang apa yang dinafkakkannya (di jalan Allah) sebagai suatu kerugian dan dia menanti-nanti marabahaya menimpamu; merekalah yang akan ditimpa marabahaya. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

(At-Taubah 9: 98)

6. Kesimpulan

Kesedaran terhadap berwakaf ini diharapkan dapat menukar dimensi pemikiran orang ramai terhadap kelebihan berwakaf di mana kita terlalu alpa dengan kesibukan sehingga kita terlupa untuk membuat persediaan untuk kehidupan seterusnya. Orang-orang tua terdahulu selalu berkata bahawa mereka menanam pokok buah-buahan untuk anak-anak cucu dan warisnya menikmati walaupun mereka tidak berkesempatan untuk menikmatinya. Ini kerana mereka tidak mempunyai wang yang banyak tetapi mempunyai harta-harta yang boleh diwakafkan. Tetapi senario sekarang sudah berbeza kerana rata-rata, umat Islam sekarang mempunyai wang untuk diwakafkan dan seterusnya menikmati manfaat pahala semasa hidup sehinggalah ke hari Qiamat.

Berwakaf merupakan suatu amal soleh yang mana pahalanya akan diberikan secara berterusan oleh Allah SWT. kepada pewakaf selagi mana harta atau wang yang diwakafkan itu kekal dan dimanfaatkan oleh orang ramai. Demikianlah hebatnya peranan dan fungsi wakaf jika diamalkan oleh umat Islam.

7. Rujukan

Bernardino, S. (2016). Financing local development through crowdfunding: An empirical

- analysis of social projects in Portugal, (September).
- Hemer, J. (2011). A snapshot on crowdfunding. *Enconstor*, 39. Retrieved from http://www.isi-lehre.de/isi-/wGlobal/scripts/accessDocument.php?wAuthIdHtaccess=800364842&document=/isi-wAssets/docs/p/de/arbap_unternehmen_region/ap_r2_2011.pdf&display=1&forceDownload=0.
- Ismail, M., Muhammad Som, H., Mohd. Deni, M. I., & Sulaiman, M. (2015). Model Operasi Wakaf Pendidikan di Malaysia. *International Conference on Cash Waqf (ICCW)*, 2015(May), 215–228.
- Jascha-Alexander, K., & Qian, C. (2016). The Role of Qualitative Success Factors in the Analysis of Crowdfunding Success : Evidence from Kickstarter. In *20th Pacific Asia Conference on Information Systems (PACIS)* (p. 242).
- Johari, F., Alias, M. H., Kefeli, Z., Ahmad, N., Wahab, K. A. B. D., Hussin, F. A. B. U., & Ibrahim, P. H. (2015). Identifying The Potential Of Continuity In Cash Waqf Contribution: A Descriptive Analysis. *Jmfir*, 12(2), 55–67.
- Lukkarinen, A., Teich, J. E., Wallenius, H., & Wallenius, J. (2015). Success drivers of online equity crowdfunding campaigns. *Decision Support Systems*. <https://doi.org/10.1016/j.dss.2016.04.006>
- Md Nurdin, N. (2015). Pembangunan Wakaf: Pendanaan Melalui Sukuk SRI. In *Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Di Malaysia Kali Ke- 11* (pp. 1–21).
- Mohamad Zaim, I., Muhammad Ikhlas, R., & Mohd Anuar, R. (2015). Pemerkasaan Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 9, 1–13.
- Mohd Ali, M. D. (2016). Kuasa Perundangan serta Hubungannya dengan Pelaksanaan Wakaf oleh Institusi Pendidikan Tinggi (OPT) di Malaysia. *International Journal of Business, Economics and Law*, 9(5), 166–172.
- Najibah, M., & Mohd Zamro, M. (2014). Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia : Satu Sorotan Literatur. *International Journal of Islamic and Civilization Studies*, 21(2), 45–57. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>.
- Omar, M., Nizam, M., Abdullah Yusof, S., & Mohd Amin, R. (2016). Developing a Framework for Charitable Giving from an Islamic Perspective. *Book of International Symposium on Waqf and Higher Education (ISWHE 2016)*, 26–32.
- Sulaiman, S., & Hasan, A. (2016). Pembangunan dan Pelaburan Lestari Harta Wakaf dari Perspektif Islam, 68–100. Retrieved from <http://jurnalkanun.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/02/4-Lestari.pdf>